

NO. SOALAN : 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan sistem bayaran tiket termasuklah penggunaan mesin pengimbas kad 'Touch n Go' bagi perkhidmatan bas rapid agar benar - benar efisyen.

JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada Masa ini, bas-bas Rapid KL telahpun menyediakan kemudahan penggunaan 'Touch n Go' sebagai salah satu medium dan pilihan pembayaran tiket atau tambang tanpa tunai. Kemudahan ini juga turut digunakan oleh sistem rel bandar yang lain iaitu LRT, Monorel dan Komuter. Penggunaan sistem yang sama ini boleh memudahkan pengguna terutamanya bagi pengguna yang menggunakan lebih daripada satu jenis pengangkutan awam darat.
2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) pada masa ini juga sedang membangunkan *Integrated Cashless Payment System* (ICPS) untuk mengintegrasikan semua perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada yang berada di bawah seliaan SPAD di Lembah Klang. Sistem ini akan membolehkan perjalanan pengangkutan awam lebih efisyen dengan adanya penggunaan kad pintar tunggal untuk membuat bayaran di seluruh mod dan rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang.
3. Di samping itu, pengguna rapid bas digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan Pas Bulanan yang disediakan bagi menikmati purata kadar tambang yang jauh lebih murah berbanding dengan pembelian tiket secara harian.

Sekian, terima kasih.